



یونیورسیتی کبڠساڠن ملیسیا

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03 8925 0199 / 8929 2841/ 8929 2833 Fax : 03 8925 6067

E-mel : [kpustaka@pkrisc.cc.ukm.my](mailto:kpustaka@pkrisc.cc.ukm.my) Laman web : <http://www.ukm.my/library>

Pejabat Ketua Pustakawan

UKM 3.7/204/36-1 Jld. 3

14 Februari 2001

Encik Mohd Razalli Ahmad Termizi  
Perpustakaan Negara Malaysia

Puan Noriyah Md. Nor  
Perpustakaan Universiti Malaya

Puan Hajjah Laila Hassan  
Perpustakaan Universiti Putra Malaysia

Puan Rapeeah Ahmad  
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Puan Mazmin Mat Akhir  
Perpustakaan Universiti Utara Malaysia

Puan Noraziah Sharuddin  
Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia

Cik Kalsom Sharif  
Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Cik Masnah Hj. Abdul Karim  
Perpustakaan Universiti Teknologi MARA

Encik Md. Yazid Muji  
Perpustakaan Universiti Tenaga Nasional

Cik Siti Khabshah Masrom  
Perpustakaan Universiti Multimedia Telekom

Puan Rabiatul Ahya  
Perpustakaan Universiti Teknologi PETRONAS

Cik Anna Michael  
Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah

Puan Margaret Simeng  
Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak

Puan Maimunah Kadir  
Perpustakaan Hospital UKM

Encik Tusiman Mingun  
Puan Hafsah Mohd  
Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia



Tuan/Puan,

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL  
BIL. 1/2002**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan bersama-sama ini disampaikan sesalinan minit mesyuarat tersebut untuk perhatian/tindakan/makluman tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

*"Perpustakaan Penjana Generasi Bermaklumat"*

Yang benar,

**PUTRI SANIAH MEGAT ABD. RAHMAN**

Ketua Pustakawan/  
Pengerusi  
JKK Pangkalan Data Komersil

Berlampir

PS/HM/fmn

**MINIT MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL**  
**BIL. 1/2002**

Tarikh : 24 Januari 2002  
Masa : 9.30 pagi  
Tempat : Bilik Mesyuarat, Aras 5  
Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM Bangi

*Yang Hadir*

Puan Putri Saniah Megat Abd. Rahman (UKM)	(Pengerusi)	<i>psmar@pkrisc.cc.ukm.my</i>
Puan Sharozat bt Ibrahim (PNM)		
Puan Noriyah Md. Nor (UM)		<i>a4noriah@umscd.um.edu.my</i>
Cik Kalsom Sharif (UIAM)		<i>kalsom@iiu.edu.my</i>
Puan Che Salmah Mehmood (UMS)		
Encik Md. Yazid Muji (UNITEN)		<i>yazidm@uniten.edu.my</i>
Puan Rapeaah Ahmad (USM)		<i>RA@notes.usm.my</i>
Encik Tusiman Mingun (UKM)		<i>tus@pkrisc.cc.ukm.my</i>
Puan Hafsa Mohd (UKM)	(Setiausaha)	<i>hafsaahm@pkrisc.cc.ukm.my</i>

*Tidak Hadir Dengan Kenyataan*

Puan Hajah Laila Hassan (UPM)		<i>lh@lib.upm.edu.my</i>
Puan Mazmin Mat Akhir (UUM)		<i>mazmin@webmail.uum.edu.my</i>
Puan Noraziah Sharuddin (UTM)		<i>azie@ppc.psz.utm.my</i>
Cik Masnah Hj. Abdul Karim (UiTM)		<i>masnah619@salam.itm.edu.my</i>
Cik Siti Khabshah Masrom (MMU)		<i>khabshah@mmu.edu.my</i>
Puan Rabiatal Ahya (UTP)		<i>rabiatal_ahya@yahoo.com</i>
Puan Margaret Simeng (UNIMAS)		<i>mag@cais.unimas.my</i>
Puan Maimunah Kadir (HUKM)		<i>mai@mail.hukm.ukm.my</i>

## **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan dengan lebih terperinci model konsortia Malaysia dan PDK langganan Kementerian Pendidikan

## **2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 6/2001**

Minit Mesyuarat Bil. 6/2001 telah disahkan tanpa pindaan.

## **3.0 LAPORAN J/K PERDANA**

- 3.1 Puan Zawiyah Baba, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia akan mengusulkan kepada Kementerian Pendidikan mengenai penubuhan konsortium nasional di Malaysia selepas dipersetujui oleh PERPUN.
- 3.2 Puan Pengerusi akan membentangkan kertas kerja mengenai penubuhan konsortium nasional di Malaysia di Mesyuarat PERPUN pada bulan Februari.

## **4.0 MODEL KONSORTIA**

### **4.1 Penubuhan Secara Sah**

Mesyuarat bersetuju supaya pusat konsortium nasional tidak ditubuhkan di bawah naungan persatuan

### **4.2 Keahlian Konsortia (Member Structure)**

Perbincangan lanjut telah dibuat mengenai keahlian dan mesyuarat bersetuju supaya konsortia ini dibuka kepada :

- a. Semua Perpustakaan yang menjadi ahli PERPUN
- b. Semua Perpustakaan Gunasama, Perpustakaan Awam dan Perpustakaan Penyelidikan yang ditaja oleh Kerajaan
- c. Perpustakaan-Perpustakaan lain di Malaysia yang memohon untuk menjadi ahli tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan.

#### 4.3 Kewangan (Fee Structure)

a. Kos yang terlibat merangkumi:

i. Gaji kakitangan

- S2 (RM5000x12)=RM60,000 setahun  
(Senarai tugas lihat lampiran 1)
- Pembantu (RM1000x12)=RM12,000 setahun

ii. Kos Pengurusan (Pejabat, peralatan dan perkakasan)

- RM5000x12=RM60,000 setahun
- Peralatan awal (kerusi, meja, PC, mesin faksimili dan fotokopi, pencetak, dsb.) akan dimohon penajaan oleh pembekal-pembekal PDK

iii Jumlah kos (RM60,000+RM12,000+RM60,000)=RM132,000 setahun

b. Yuran setiap institusi

- Ahli perlu membayar yuran sebagai ahli konsortium dengan justifikasi bahawa ahli konsortium mendapat langganan jurnal yang lebih murah.
- Yuran konsortium perlu meliputi caj minima untuk membantu urusan-urusan langganan PDK
- Penjimatan langganan PDK sehingga 25% setahun  
Contoh: IEL  
1 institusi -- Kos langganan USD80,000 setahun  
13 institusi -- Kos langganan USD63,692.31 setahun

#### 4.4 Nama Konsortia

Mesyuarat bersetuju konsortium nasional Malaysia diberi nama **MLC** atau *Malaysian Libraries Consortium*.

#### 5.0 PDK LANGGANAN KEMENTERIAN

5.1 Brosur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris akan disediakan. Brosur ini akan diedarkan semasa pelancaran PDK langganan Kementerian yang akan diadakan pada bulan Mac.

*Tindakan:*

*Puan Che Salmah dan Puan Rapeeah*

- 5.2 Isi kandungan brosur:
- a. Pengenalan PERDANA
  - b. Jawatankuasa Kecil PDK
  - c. Sekretariat JKK PDK  
Senarai setiap institusi terlibat dan pegawai perhubungan
  - d. PDK yang dilanggan dengan menggunakan peruntukan Kementerian Pendidikan
- 5.3 Proquest Education Complete
- a. Pembekal akan menyediakan *ID Group ID* bagi tujuan pemantauan penggunaan oleh institusi lain (tidak termasuk dalam 14 institusi yang disenaraikan)
  - b. Pembekal akan memberikan sepuluh ID dan *password* untuk diberikan kepada institusi lain
- 5.4 Ebscohost Business Source Premier (BSP)
- a. Mesyuarat bersetuju untuk memohon ID dan *password* untuk institusi-institusi lain yang tidak melanggan (tidak termasuk dalam 5 institusi yang melanggan).

*Tindakan: Sekretariat JKKPDK*

5.5 ScienceDirect

- a. Mesyuarat bersetuju untuk memohon satu ID dan *password* (bonus) bagi setiap institusi untuk mengakses semua judul jurnal dalam ScienceDirect

*Tindakan: Semua AJK*

- b. Pembekal akan menyediakan statistik penggunaan bagi tahun 2001 bagi membolehkan setiap institusi memilih bidang perkara masing-masing. Setiap institusi perlu mendapatkan ID dan *password* bagi *Local Administrator* untuk melihat statistik penggunaan di institusi masing-masing.

*Tindakan: Semua AJK*

**6.0 HAL-HAL LAIN**

- 6.1 MIMOS dan CURTIN telah membatalkan penyertaan dalam konsortia IEL. USM bersetuju untuk turut serta dalam konsortia IEL. UMS masih dalam pertimbangan untuk turut serta.
- 6.2 Mesyuarat bersetuju untuk berunding dengan NISC (pembekal PsycINFO) untuk mendapatkan kos yang berpatutan bagi pakej PsycINFO dan PsycARTICLES
- 6.3 Mesyuarat bersetuju untuk membincangkan surat perjanjian konsortia IEL pada 29/1/02 selepas perjumpaan dengan wakil CSA

- 6.4 Mesyuarat bercadang untuk menghantar beberapa orang AJKK PDK ke Persidangan IFLA di Glasgow dan seterusnya meninjau beberapa model konsortia yang terdapat di U.K.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.15 tengahari dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

Pejabat Ketua Pustakawan  
Perpustakaan Tun Seri Lanang  
UKM Bangi

Bertarikh : 7-2-2002

PS/HM/fmn

### SENARAI TUGAS PUSTAKAWAN S2 (MLC)

1. Mengurus dan menyelia pendaftaran perpustakaan yang memohon untuk menjadi ahli MLC
2. Mengenalpasti PDK (Pangkalan Data Komersil) langganan setiap perpustakaan yang menjadi ahli MLC
3. Mendapatkan sebutharga bagi sesebuah PDK dari beberapa pembekal atau terus dari penerbit
4. Membuat perundingan dengan pembekal/penerbit untuk mendapatkan harga yang berpatutan bagi sesebuah PDK
5. Menguruskan semua bahan arkib PDK sama ada dalam bentuk bercetak, CD-ROM, atau dalam talian
6. Bertindak sebagai perantaraan di antara perpustakaan dengan pembekal/penerbit, dan di antara setiap perpustakaan yang menjadi ahli MLC
7. Meneliti setiap surat perjanjian PDK yang dilanggan dan mengusulkan kepada penasihat perundangan sekiranya terdapat sebarang kekeliruan
8. Menyelia, merancang dan mengurus sesi latihan/bengkel yang diadakan oleh pembekal/penerbit di setiap perpustakaan terlibat
9. Menguruskan statistik penggunaan setiap perpustakaan bagi sesebuah PDK yang dilanggan
10. Menguruskan segala yang berkaitan dengan cara mengakses PDK yang dilanggan seperti mengumpulkan alamat IP setiap perpustakaan, mengagihkan ID dan *password* kepada perpustakaan yang terlibat dan lain-lain
11. Menguruskan SPP (Sistem Pembekalan Penerbitan) atau DDS (Document Delivery Service) bagi PDK yang tidak mempunyai teks penuh